



Jabatan Perangkaan M'sia manfaat pelbagai medium dalam proses pengumpulan data

19th August, 2015

SANDAKAN: Jabatan Perangkaan Malaysia memanfaatkan kepelbagaian medium dalam proses pengumpulan data bagi mengurangkan beban responden sekali gus mempercepat proses penghantaran sejajar dengan kepantasan maklumat di era globasasi ini.

Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi) Jabatan Perangkaan Malaysia, Haji Ismail Yusoff, berkata antara langkah telah dijalankan ialah pengisian borang secara online menerusi e-Survey bagi Penyiasatan Pembuatan Bulanan, Penyiasatan Perdagangan Edaran, Penyiasatan Guna Tenaga dan Penyiasatan Binaan Suku Tahunan.

Beliau berkata, selain daripada itu pihak jabatan juga menggunakan kaedah pengumpulan data secara 'Computer Assisted Telephone Interview (CATI) dan Computer Assisted Personal Interviewing (CAPI).

Katanya, jabatan turut memberikan kemudahan kepada pengguna data untuk memuat turun laporan yang dikeluarkan melalui portal jabatan secara percuma dengan perkhidmatan E-services juga telah diperkenalkan bagi memudahkan pengguna mendapat maklumat terkini berkenaan produk serta perkhidmatan yang dikeluarkan oleh jabatan.

Dalam pada itu, ujaranya, jabatan memperluaskan komunikasi dengan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan stakeholders seiring ledakan kecanggihan era teknologi maklumat. Tambahnya lagi, portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia boleh dicapai di laman sesawang www.statistics.gov.my dan menyediakan pautan khas bagi memudahkan penyaluran maklumat kepada pelanggan melalui perkhidmatan talian yang dikenali sebagai E-services itu.

"Perkhidmatan ini membolehkan pengguna memuat turun secara percuma atau melanggan penerbitan yang dikeluarkan oleh jabatan secara online dengan mudah. Pihak jabatan juga mempunyai kerjasama erat dengan pihak Bernama yang membantu dalam menyebarkan statistik kepada orang ramai.

"Facebook rasmi jabatan dan twitter juga digunakan untuk menyebarkan maklumat- maklumat terkini kepada pengguna. Di samping kemudahan sistem khidmat pesanan ringkas MySMS 15888 bagi indikator utama," jelasnya. Haji Ismail menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Seminar Transformasi Statistik Bersama Komuniti 'Responden Pemacu Statistik Berkualiti, Teras Pembangunan Negara Mampan' di Hotel Four Points By Sheraton Sandakan, dekat sini, kelmarin.

Hadir sama Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Sabah, Norhayati Jantan dan pembentang-pembentang kertas kerja dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.

Seminar setengah hari itu disertai peserta terdiri dari pemilik, pengurus, eksekutif dan wakil-wakil kepada syarikat atau pertubuhan, persatuan, agensi kerajaan serta swasta.

Mengulas lanjut, ujar beliau, Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai penjana statistik rasmi negara diamanahkan untuk memungut, mentafsir dan menyebarkan perangkaan untuk dijadikan input kepada pembentukan dasar dan perancangan pembangunan negara.

Katanya, data yang dibekalkan ini diperolehi daripada sumber primer iaitu kajian yang dijalankan secara berkala sama ada bulanan, suku tahunan atau tahunan ke atas entiti perniagaan yang beroperasi di negara ini.

"Maklumat ini seterusnya ditafsirkan dalam bentuk perangkaan penting seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar; Indeks Harga Pengguna; Indeks Perdagangan Edaran dan juga Perangkaan Pembuatan Bulanan.

"Pembaharuan dan transformasi yang dibuat di bawah Program Transformasi Ekonomi atau ETP telah mula menampakkan hasil yang memberangsangkan. Ini terbukti dengan laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku pertama 2015 mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus walaupun negara menghadapi suasana ekonomi yang mencabar.

"Semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif dengan didominasi oleh sektor perkhidmatan 6.4 peratus diikuti oleh pembuatan 5.6 peratus dari segi pengeluaran. Dari segi permintaan pula, ekonomi didorong oleh kesan momentum kukuh perbelanjaan pengguna akhir swasta 8.8 peratus sementara pembentukan modal tetap kasar sektor swasta 11.7 peratus.

"Ini jelas menunjukkan bahawa KDNK yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan mekanisme untuk memantau prestasi ekonomi," beritahu Haji Ismail.

Dalam pada itu, beliau berkata jabatan amat menitik berat kepada kepastian kualiti dengan melalui Pengiktirafan MS ISO 9001:2008 yang telah diberikan kepada jabatan, ia menjadi satu penanda aras dalam memastikan kualiti input data yang dipungut dan dijana adalah bertepatan dengan keperluan stakeholder.

Menurutnya, prinsip ini menjadi satu pegangan bagi pihak jabatan dalam meletakkan prioriti terhadap pengeluaran data statistik yang berkualiti dan berorientasikan masa.

Sehubungan dengan itu, katanya, kerjasama, komitmen dan jalinan hubungan yang baik dengan syarikat-syarikat perniagaan, badan-badan swasta dan pelbagai agensi kerajaan menjadi satu prasyarat yang penting dalam memastikan tahap serta pencapaian tinggi kualiti data yang dihasilkan dapat terus dikekalkan.

"Pihak kami memberi jaminan bahawa maklumat yang dipungut daripada organisasi adalah dijamin kerahsiannya seperti mana yang termaktub dalam Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).

"Mengikut akta ini, maklumat yang diberikan dalam borang soal selidik adalah sulit dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak mahu pun individu lain. Untuk tujuan penyebaran, hanya angka agregat sahaja yang akan diterbitkan," jelasnya.

Sementara itu, katanya, pada tahun ini pihak jabatan akan menyambut hari 'World Statistics Day' pada 20 Oktober 2015 yang bertemakan 'Better data, better lives' yang mana Hari Statistik Sedunia telah diumumkan sambutannya oleh United Nations Statistical Commission semasa sesi persidangan ke-46 pada 6 hingga 8 Mac lepas yang bertujuan untuk mengiktiraf kepentingan statistik dalam membentuk masyarakat.

Beliau turut berkongsi berita yang menggembirakan iaitu Malaysia telah berjaya dalam pembinaan menjadi tuan rumah bagi menganjurkan 62nd World Statistics Congress of the International Statistical Institute (ISIS WSC) di Kuala Lumpur pada tahun 2019.

Beliau berharap agar peserta yang menyertai seminar ini akan dapat berinteraksi, mengukuhkan kerjasama dan berkeyakinan tinggi untuk memberi maklumat kepada jabatan.

"Semoga dengan seminar ini dapat memberikan ruang dan peluang untuk kita sama-sama menilai, merancang dan merumuskan tindakan yang lebih berkesan pada masa akan datang," tambahnya.

Malahan, dia berharap agar program ini membuka minda sekali gus memberi kefahaman kepada peserta mengenai kepentingan data yang disalurkan kepada jabatan tersebut.

Katanya, program seminar ini akan menjadi landasan terbaik untuk meningkatkan komunikasi bersama responden dan memudahkan penyaluran data di masa akan datang seterusnya sinergi jalinan ini akan dapat mempertingkatkan kualiti data yang dihasilkan. – OLEH ROZZALIN HASHIM – rozzalin@newsabahtimes.com.my